



LAPORAN

TAHUNAN

2024

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LAPORAN TAHUNAN 2024
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan
Labuan
Tingkat 9, Blok 4 , Ujana Kewangan
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
No Telefon : 087-408 772

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



LAPORAN

TAHUNAN

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



ISI KANDUNGAN

06

Ucapan
Pengarah



08

Pengenalan
JAS



10

Pentadbiran &
Kewangan



12

Pengurusan
Kewangan



14

Carta
Organisasi



20

Sistem JAS



24

Program
Pentadbiran



30

Unit Operasi &
Penguatkuasaan



ISI KANDUNGAN

50

Program Operasi



55

Unit Pembangunan,
Komunikasi,
Pendidikan dan
Kesedaran



56

Input
Pembangunan



58

Penguatkuasaan
EIA



64

Pengenalan
CEPA



69

Program
CEPA



86

Ilmu Lestari





PETIKAN UCAPAN PENGARAH

JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



**MEJAR BERSEKUTU (PA)
ZULFADZLI ZAKARIA.**

B.C.K., MY-CISEC., CePOEIA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan izin Allah SWT, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2024 ini sebagai ringkasan pencapaian, pelaksanaan program serta inisiatif jabatan sepanjang tahun.

Tahun 2024 telah memperlihatkan komitmen berterusan jabatan dalam memastikan kelestarian alam sekitar melalui tindakan penguatkuasaan, pemantauan, pendidikan dan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak. Setiap usaha ini adalah selari dengan matlamat pembangunan mampan dan dasar kerajaan dalam pemeliharaan alam sekitar.

Penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, khususnya warga jabatan yang sentiasa berdedikasi dalam melaksanakan amanah. Semoga laporan ini menjadi panduan dan motivasi untuk terus memperkasa usaha pemeliharaan alam sekitar pada masa hadapan.

“Alam Sekitar,
Tanggungjawab Bersama”



VISI

Pemuliharaan Alam
Sekitar untuk
Kesejahteraan Rakyat

MISI

Memastikan
pembangunan lestari di
dalam proses
memajukan negara

MOTO /SLOGAN

“Alam Sekitar
Tanggungjawab
Bersama”

PENGENALAN JAS

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai pelbagai fungsi penting dalam memastikan alam sekitar negara sentiasa terpelihara. Antaranya ialah mengurus kualiti udara, air dan marin agar bebas daripada pencemaran, serta mengawal selia bahan berbahaya supaya tidak menjejaskan kesihatan manusia dan ekosistem.

JAS juga bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar bagi memastikan pematuhan oleh pihak industri dan masyarakat. Selain itu, JAS mengendalikan penilaian impak alam sekitar (EIA) bagi projek pembangunan, menganjurkan kursus serta latihan berkaitan alam sekitar, dan melaksanakan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar.



PENTADBIRAN & KEWANGAN

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang bertanggungjawab terhadap perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan. Jabatan ini diterajui oleh seorang Pengarah Gred C48 dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah Gred C41, seorang Penolong Pegawai Kawalan Tertinggi Gred C38, serta sebelas (11) orang anggota pelaksana yang berperanan penting dalam menyokong pelaksanaan dasar serta program-program berkaitan alam sekitar.

Struktur organisasi JASWPL dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Pembangunan, dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Bahagian Operasi berfokus kepada aspek penguatkuasaan, pengendalian aduan awam, serta tindakan kontingensi terhadap insiden pencemaran. Bahagian Pembangunan pula bertanggungjawab terhadap penilaian kesan alam sekitar (EIA), pelesenan, pemantauan geospasial serta aktiviti kesedaran awam. Kedua-dua bahagian ini disokong rapat oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan yang menguruskan keseluruhan aspek pengurusan sumber jabatan.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan memainkan peranan penting sebagai tulang belakang pengurusan JASWPL. Bahagian ini menguruskan hal ehwal perkhidmatan, kewangan, logistik, aset jabatan serta perolehan peralatan dan perkhidmatan. Ia juga bertanggungjawab terhadap penyediaan bajet, pelaporan perbelanjaan, penyelarasan surat-menyurat rasmi serta pengurusan latihan dan kebajikan warga jabatan. Dengan pendekatan yang cekap dan berintegriti, bahagian ini memastikan setiap urusan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan mengikut peraturan dan pekeliling yang ditetapkan oleh kerajaan.



Pada tahun 2024, struktur bahagian ini merangkumi seorang Pembantu Tadbir (N22) yang menyelia aspek pentadbiran, seorang Pembantu Tadbir (W19) yang menguruskan urusan kewangan jabatan, serta seorang Pembantu Operasi (H11) yang bertanggungjawab dalam aspek sokongan logistik dan pengangkutan jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan sistem sumber manusia (HRMIS) dan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA)

JAWATAN	JUMLAH	PENGISIAN	KOSONG
Pengarah	1	1	
Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41	1	1	
Pen. Peg Kawalan Tertinggi Kanan Gred C38	1	1	
Pen. Peg Kawalan Tertinggi Gred C32	1	0	1
Pen. Peg Kawalan Gred C29	3	2	1
Penolong Jurutera JA29	4	4	
Pembantu Tadbir (P/O) N22	1	1	
Pembantu Tadbir (KEW) W19	1	1	
Pembantu Khidmat AM	1	1	
Personal MYSTEP G41	1	1	
Personal MYSTEP G19	1	1	
JUMLAH	14	13	2

Jadual 1.1 : Senarai Perjawatan



Walaupun terdapat kekosongan jawatan, fungsi jabatan tetap dapat dijalankan dengan lancar hasil kerjasama erat antara semua pegawai dan anggota pelaksana yang komited dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Secara keseluruhannya, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan akan terus memainkan peranan strategik dalam menyokong pelaksanaan misi jabatan, khususnya dalam memastikan pengurusan sumber jabatan dilaksanakan secara cekap, telus dan berkesan demi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah pengisian perjawatan di JASWPL adalah sebanyak 14 daripada 16 jawatan yang diperuntukkan berdasarkan Waran Penjawatan. Maklumat penuh mengenai senarai jawatan dan status pengisian adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.1.



PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menerima peruntukan kewangan daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar bagi menyokong pelaksanaan tugas-tugas pengurusan serta pelaksanaan program dan aktiviti jabatan di peringkat negeri. Sejumlah RM1,477,689.38 telah diperuntukkan di bawah Belanja Mengurus, yang digunakan untuk menampung perbelanjaan berkaitan operasi harian jabatan seperti pengurusan pentadbiran, logistik, program pendidikan dan kesedaran alam sekitar, serta penyelenggaraan aset dan fasiliti jabatan.

Di samping itu, JASWPL turut menerima peruntukan sebanyak RM102,845.79 di bawah peruntukan Pembangunan yang bertujuan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Peruntukan ini meliputi pembelian peralatan, penaiktarafan infrastruktur, pembangunan sistem sokongan teknikal, serta pelaksanaan inisiatif yang menjurus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan.

Keseluruhan peruntukan yang diterima telah diagihkan secara strategik mengikut program dan keutamaan jabatan, selaras dengan objektif strategik Jabatan Alam Sekitar Malaysia.



TERIMAAN HASIL

Kutipan Hasil Tahun 2024


Bagi tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM151,286.81. Kutipan hasil ini diperoleh melalui pelbagai sumber termasuk aktiviti penguatkuasaan, pengeluaran lesen, bayaran perkhidmatan, serta aktiviti lain yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah kutipan hasil tersebut mencerminkan keberkesanan pelaksanaan dasar dan pengurusan jabatan dalam memastikan pematuhan peraturan alam sekitar serta menyumbang kepada pembangunan dan pelestarian ekosistem di kawasan tersebut.



CARTA ORGANISASI

JABATAN ALAM SEKITAR WP LABUAN
2024





Rajah 1.1 Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

**PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**



PENGARAH C48

ZULFADZLI ZAKARIA

B.C.K., MY-CISEC, CePOEIA.

PENGARAH

**UNIT PEMBANGUNAN, KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN
(CEPA)**

JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



PEGAWAI
KAWALAN C41

NURUL ASIKIN BINTI MOHD YUSOF
@DAUD

PROSES EIA, POST EIA, KB & KESEDARAN ALAM
SEKITAR



PENOLONG PEGAWAI
KAWALAN C29

MOHAMMAD MAN SAH AZMAN

PENILAIAN, PYBDT & ICT



PENOLONG PEGAWAI
KAWALAN C29

MUHAMMAD MUNIFF ADHA
ASNAWI

INPUT PENDIDIKAN DAN PERLESENAN, PYBDT



PERSONAL MYSTEP
GRED41

NURHIDAYAH BINTI
BULYAN


KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN
(CEPA)



PEN. JURUTERA JA29

AHMAD SHAYUTI ABDUL
RAHIM

PENGAWASAN, GEOSPATIAL & PYBDT



PENOLONG PEGAWAI
KAWALAN C29

KEKOSONGAN JAWATAN

PYBDT, KOMUNIKASI & PENDIDIKAN
DAN KESEDARAN (CEPA)


**UNIT OPERASI DAN PENGUATKUASAAN
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**



**PENOLONG PEGAWAI KAWALAN
TERTINGGI C38**

LIANA BINTI JOHARI

PENGUATKUASAAN PYBDT & ADUAN AM



**PENOLONG PEGAWAI
KAWALAN KANAN C32**

KEKOSONGAN JAWATAN

**PENGUATKUASAAN PYBDT(I) &
KONTIGENSI**



PEN. JURUTERA JA29

JUNAIDI ALAN

PENGUATKUASAAN PYBDT(III) & KUMBAHAN



PEN. JURUTERA JA29

GERRY OSWALD GEDION

PENGUATKUASAAN PYBDT(II) & UKB



PEN. JURUTERA JA29

OLIVIA JOHNYE

PENGUATKUASAAN PYBDT(IV) & OMPT

UNIT PENTADBIRAN
JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



PEMBANTU TADBIR N22
(TBBK)

NORMAYA @ KASMAH LASIMAN

PENTADBIRAN



PEMBANTU TADBIR
W19

ASMALINA MOHD BRAIM @
BAGUL

KEWANGAN



PEMBANTU OPERASI H11

ALISTER CHEN LEE TAIMIN

PEMANDU KENDERAAN



PERSONAL MYSTEP
GRED 19

NAZILAH BINTI MOHD JUSLIN

PENTADBIRAN



SISTEM JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

SISTEM JABATAN ALAM SEKITAR

APLIKASI MOBIL

Aplikasi MyJAS EQMS (versi Android)

Aplikasi MyJAS EQMS (versi iOS)

Aplikasi Enviro Games (versi Android)

Aplikasi MyDOE (versi Android)

Aplikasi MyDOE (versi Android)

Aplikasi myJAS Aduan (versi iOS)

MYHRMIS MOBILE

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN INDUSTRI DAN ORANG AWAM

Sistem National Registry of Certified Environmental Professionals (NRCEP)

Sistem Environmental Hazardous Substances Information System (MyEHS)

Sistem Electronic Certification Service Technician Programme (eCSTP)

Sistem Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)

Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Hijau (SPPIH)

Sistem Environmental Mainstreaming Tools System (EMAINS)

Sistem Continuous Emissions Monitoring System (CEMS)

Sistem Integrated Remote Monitoring System (iRemote)

Sistem Certification Environmental Practitioner (myCEP)

Sistem Environmental Spatial Data Repository (ESDR)

Sistem Laporan Erosion & Sediment Control (ESC)

Sistem Online Environmental Reporting (OER)

Sistem Perpustakaan Atas Talian (KOHA)

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN INDUSTRI DAN ORANG AWAM

Sistem Pengurusan Premis (myPremis)

Sistem Rakan Alam Sekitar (MyRAS)

Sistem Vehicle Type Approval (VTA)

Sistem Pemantauan EIA (SPEIA)

Sistem Aduan (eAduan)

Sistem ePelanggan

Laman Web Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

Portal Enviro Digital@JAS (EDL)

Laman Web E-Waste

Laman Web CPVC

Laman Web RAS

River Water Quality Index Management System (RQIMS)

Marine Water Quality Index Management System (MQIMS)

Air Pollutant Index Management System (APIMS)

PUSAT PENGURUSAN MAKLUMAT

Portal Enviro Digital@JAS

PIAGAM PELANGGAN

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Kami semua adalah peka, prihatin dan sentiasa mengkaji semula setiap peruntukan undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, prosedur dan budaya kerja kami supaya tidak menjejaskan atau membawa kepada kesan-kesan negatif kepada pertumbuhan pembangunan yang berterusan; malah kami akan membawa pelbagai pembaharuan yang mungkin, untuk bersama-sama mencapai matlamat menerusi piagam pelanggan berikut:”

PERHUBUNGAN AWAM	
1	Layanan kepada semua pelawat diberikan dengan serta merta atau selewat-lewatnya dalam tempoh 5 minit dengan penuh hormat dan bersopan santun.
2	Semua temujanji dengan pegawai adalah menepati masa. Temujanji yang perlu dipinda masa akan dimaklumkan dan tetamu akan diberi bahan-bahan bacaan terbitan JAS sementara menunggu.
3	Maklumat data kualiti udara, air dan marin yang dipohon secara bertulis dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima.

PENGADUAN AWAM	
Aduan penerimaan dikeluarkan pada hari yang sama aduan diterima. Pengadu diberi maklum balas status aduan berkenaan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh aduan diterima.	

PERHUBUNGAN AWAM	
1	Keputusan permohonan Kebenaran Bertulis (KB19) dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu.
2	Keputusan ke atas Laporan EIA Jadual 1 yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh 5 minggu.
3	Keputusan Permohonan Penilaian Awal Tapak dikeluarkan dalam tempoh 2 minggu.



PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Program anjuran pentadbiran JAS merangkumi aktiviti latihan dan pembangunan warga jabatan, penganjuran majlis rasmi serta sambutan hari-hari penting, selain program kebajikan dan kesejahteraan kakitangan. Program ini bertujuan meningkatkan kecekapan organisasi serta mengeratkan hubungan sesama warga kerja dan masyarakat.



PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



**SEMINAR PEMERKASAAN PSIKOLOGI DAN KEROHANIAN DALAM PEMBANGUNAN
MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI TINGGI DI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)**

PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



SEMINAR PENGURUSAN PSIKOLOGI



PROGRAM PENTADBIRAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



HARI PELANGGAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

*Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Labuan*



Bahagian Operasi merupakan komponen kritikal dalam struktur penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar, yang berperanan melaksanakan tugas-tugas pemantauan, penyiasatan dan tindakan perundangan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan subsidiarinya. Bahagian ini berfungsi memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap keperluan undang-undang di kalangan pemilik dan pengusaha premis, di samping melindungi kualiti alam sekitar daripada sebarang bentuk pencemaran yang boleh memudaratkan kesejahteraan awam dan kelestarian ekosistem.

Sepanjang tahun pelaporan, Bahagian Operasi telah melaksanakan penguatkuasaan terhadap pelbagai kategori premis termasuk premis bukan yang ditetapkan, loji pengolahan kumbahan, serta premis yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) 1989 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pemeriksaan telah dijalankan secara sistematik berdasarkan pendekatan berasaskan risiko, maklumat risikan dan aduan awam, bagi memastikan aktiviti yang dijalankan adalah sejajar dengan standard yang ditetapkan oleh undang-undang serta syarat kelulusan yang telah diberi.

BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

*Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Labuan*

Bahagian ini turut menyelaras pelaksanaan penguatkuasaan ke atas pencemaran daripada sumber bergerak melalui aktiviti Unit Kenderaan Bermotor, yang beroperasi mengikut kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol dan Diesel) 1996. Pemeriksaan ke atas kenderaan bermotor bertujuan mengawal pelepasan bahan cemar yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara, terutamanya di kawasan berimpak tinggi.

Di samping itu, Bahagian Operasi juga memainkan peranan penting dalam pengurusan aduan pencemaran yang diterima daripada orang awam melibatkan pelbagai medium seperti udara, air, bunyi, bau dan aktiviti pembakaran terbuka. Bagi menangani pembakaran terbuka secara lebih berkesan, rondaan dan pelaksanaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (Ops OMPT) telah dipergiat, khususnya semasa musim kering dan cuaca panas yang meningkatkan risiko kejadian jerebu. Semua tindakan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang diistiharkan Pembakaran Terbuka) 2003.

Bagi kes-kes pelanggaran undang-undang yang serius, kertas siasatan telah disediakan dan dikemukakan kepada Unit Pendakwaan untuk tindakan lanjut di bawah peruntukan tertentu dalam Akta 127, termasuk 34A (Kegagalan mendapatkan kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar), Seksyen 22 (Pelepasan ke udara), Seksyen 29A (Pembakaran terbuka). Pendekatan ini mencerminkan iltizam jabatan dalam menegakkan peruntukan undang-undang secara tegas dan profesional.






Sepanjang tahun 2024, Bahagian Operasi telah melaksanakan sejumlah dua ratus dua belas (212) pemeriksaan ke atas premis industri dan loji kumbahan, mengendalikan Tiga puluh empat (34) aduan pencemaran, mengenakan tiga puluh tiga (33) kompaun, serta mengemukakan lapan belas (18) kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan.


BAHAGIAN OPERASI & PENGUATKUASAAN

*Jabatan Alam Sekitar Wilayah
Persekutuan Labuan*

Pelaksanaan penguatkuasaan yang konsisten dan berkesan ini adalah cerminan kepada komitmen Jabatan Alam Sekitar dalam melindungi dan mempertingkatkan kualiti alam sekitar negara. Bahagian Operasi akan terus memperkukuh keupayaan operasinya melalui pemantapan sumber manusia, penyelarasan strategik antara agensi, serta penggunaan teknologi pemantauan yang lebih canggih agar matlamat pembangunan lestari dan kesejahteraan rakyat dapat direalisasikan secara menyeluruh.



DATA RINGKAS BAHAGIAN OPERASI




Graf 1.0 : Bayaran Kompoun

Graf 1.0 menunjukkan kutipan kompaun Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) pada 2019–2024 menunjukkan turun naik ketara yang mencerminkan perubahan dalam tahap kepatuhan dan penguatkuasaan alam sekitar. Jumlah kutipan meningkat sedikit dari RM28,000 (2019) ke RM34,350 (2020) sebelum menurun ke paras terendah RM23,150 (2021), dipercayai akibat kesan pandemik COVID-19 yang menjejaskan aktiviti industri dan pemantauan.


Namun, pada 2022 berlaku lonjakan besar kepada RM114,000 hampir lima kali ganda berbanding tahun sebelumnya menandakan peningkatan ketara dalam aktiviti penguatkuasaan atau pelanggaran alam sekitar. Tahun berikutnya, 2023, kutipan menurun semula kepada RM39,500, berkemungkinan akibat peningkatan kesedaran awam atau penyesuaian pihak industri terhadap peraturan yang lebih ketat. Secara keseluruhan, data menunjukkan corak yang tidak stabil tetapi mencerminkan usaha berterusan JASWPL dalam memperkukuh penguatkuasaan dan meningkatkan pematuhan alam sekitar di Labuan.

DATA RINGKAS BAHAGIAN OPERASI



Graf 2.0 : Jumlah Notis Arahan

Graf menunjukkan jumlah Notis Arahan yang dikeluarkan oleh JASWPL dari 2019 hingga 2023. Pada awal tempoh, jumlah notis rendah dan stabil (3 pada 2019, 5 pada 2020, dan menurun kepada 2 pada 2021). Namun, berlaku peningkatan ketara pada 2023 dengan 26 notis, menunjukkan lonjakan besar dalam penguatkuasaan. Trend ini menggambarkan komitmen JASWPL yang semakin tinggi terhadap pematuhan dan tindakan tegas terhadap pelanggaran alam sekitar.



Graf 3.0 : Notifikasi


Graf 3.0 menunjukkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) WP Labuan merekodkan sebanyak 76 notifikasi pada tahun 2024. Angka ini mewakili jumlah interaksi dan tanggungjawab pemantauan alam sekitar yang perlu diuruskan oleh JAS Labuan bagi tempoh tersebut. Graf tersebut secara spesifik menunjukkan bilangan notifikasi yang diterima, mencerminkan peranan berterusan JAS dalam pengawasan alam sekitar di Labuan.

DATA RINGKAS BAHAGIAN OPERASI



PREMIS PYBDT TAHUN 2024 JUMLAH : 449 PREMIS

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) dan Kertas Siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL), sebanyak empat ratus empat puluh sembilan (449) premis telah dikenal pasti di bawah kategori PYBDT bagi tahun 2024.



Graf 4.0 : Kertas Siasatan

Walaupun jumlah premis ini agak tinggi, tindakan penguatkuasaan oleh JASWPL kekal konsisten dan berkesan. Ini dapat dilihat melalui jumlah Kertas Siasatan yang dibuka iaitu dua (2) kes pada tahun 2023 dan dua (2) kes pada tahun 2024, menunjukkan trend yang stabil dari segi pelaksanaan tindakan undang-undang. Kesimpulannya, walaupun terdapat peningkatan jumlah premis PYBDT, JASWPL berjaya mengekalkan tahap pematuhan yang baik dalam kalangan premis melalui pengawasan dan penguatkuasaan yang berterusan.

JASWPL telah menjalankan penguatkuasaan Ops Gempur Bil:1 / 2024 di sebuah premis yang menjalankan aktiviti jual beli barangan lusuh (besi, aluminium dan tembaga). Ops gempur ini melibatkan penggunaan peralatan dron untuk menjejaki sebuah premis yang disyaki menggunakan tapak miliknya sebagai Premis Yang Ditetapkan iaitu suatu Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak Buangan Terjadual tanpa lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974.

Arahan Lapangan dan Notis Arahan telah dikeluarkan supaya pihak premis melaksanakan pembetulan segera. Tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) turut dikenakan ke atas premis yang berkaitan bagi menyekat penerimaan buangan terjadual dan pelupusannya dibuat ke Premis Yang Di Tetapkan (Buangan Terjadual).

Selain itu, JASWPL telah membuka satu Kertas Siasatan bagi tindakan pendakwaan selanjutnya. JASWPL akan mengambil tindakan tegas yang sewajarnya ke atas mana-mana premis yang tidak mematuhi AKAS, 1974. Pihak industri adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi AKAS, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya pada sepanjang masa. Orang ramai adalah digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan pencemaran alam sekitar melalui talian bebas tol 1-800-88-2727, emel ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan Pelaksanaan penguatkuasaan yang konsisten dan berkesan ini adalah cerminan kepada komitmen Jabatan Alam Sekitar dalam melindungi dan mempertingkatkan kualiti alam sekitar negara.

Bahagian Operasi akan terus memperkukuh keupayaan operasinya melalui pemantapan sumber manusia, penyelarasan strategik antara agensi, serta penggunaan teknologi pemantauan yang lebih canggih agar matlamat pembangunan lestari dan kesejahteraan rakyat dapat direalisasikan secara menyeluruh.

OPS GEMPUR JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) BIL: 1/2024



PROGRAM LATIHAN KEBAKARAN DAN TUMPAHAN MINYAK ANJURAN PREMIS MALAYSIAN ENERGY CHEMICAL AND SERVICES SDN. BHD (MECAS)

Malaysian Energy Chemical and Services Sdn Bhd (MECAS) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar W. P. Labuan dan beberapa agensi berkepentingan yang lain telah menganjurkan Program Latihan Kebakaran & Tumpahan Minyak berskala penuh. Program ini diadakan di MECAS, Warehouse, Kg. Sg. Keling, WP Labuan.



Senario situasi kecemasan yang dilakukan oleh pihak syarikat bagi memberi pendedahan dan kesiap-siagaan sekiranya berlaku kes bencana pada skala yang besar.



Selain itu program ini menilai dan memperbaiki respons pekerja ketika menghadapi situasi kecemasan seperti kebakaran dan tumpahan bahan kimia berbahaya yang berlaku di tempat kerja. Program berkenaan turut membabitkan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).



OPERASI PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUNYI BISING KENDERAAN MOTOR) 1987.

Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan dengan kerjasama Unit Polis Trafik W.P. Labuan dan Jabatan Pengangkutan Jalanraya Cawangan Labuan telah menjalankan pemeriksaan terhadap bunyi motosikal yang disyaki menghasilkan bunyi bising. Sebanyak lima (5) buah motosikal yang telah diperiksa kerana telah diubahsuai.



RONDAAN BAGI MENCEGAH AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA BAGI TAHUN 2024, WP LABUAN

Jabatan Alam Sekitar WP Labuan telah mengambil inisiatif membuat rondaan bagi mencegah aktiviti pembakaran terbuka yang berlaku di sekitar WP Labuan. Rondaan ini dilakukan secara berterusan bagi memastikan kualiti udara di WP Labuan berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

JASWPL mengingatkan masyarakat bahawa sebarang aktiviti pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan setiap kesalahan bagi pembakaran terbuka boleh dikenakan kompaun sehingga Dua Ribu Ringgit Malaysia (RM2000).



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan



OPS GEMPUR JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) BIL: 2/2024

JASWPL telah menjalankan Ops Gempur ke atas dua (2) buah Premis Yang Bukan Ditetapkan di kawasan Perindustrian Labuan. Tujuan operasi ini dijalankan adalah untuk memastikan setiap premis yang beroperasi di W.P. Labuan sentiasa mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan amat komited memastikan kelestarian pembangunan di W.P. Labuan kekal terpelihara, dan sejahtera. Para pemain industri adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi sepenuhnya segala kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.



06/02/2024 10:12



06/02/2024 09:54



OPS BERSEPADU ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR W.P LABUAN.

JPJ Cawangan W.P Labuan telah melaksanakan Ops Bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar W.P Labuan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan W.P Labuan & Polis Diraja Malaysia W.P Labuan pada pagi tadi di Stesen Penguatkuasa JPJ Labuan. Ops Bersepadu ini dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar W.P Labuan.



Seramai 19 orang anggota berserta 12 orang pegawai terlibat dari kesemua agensi. Sebanyak 100 buah kenderaan telah diperiksa, manakala 19 notis saman serta 2 notis arah periksa telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan oleh pihak JPJ dan Polis Trafik. Antaranya ialah ubahsuai ekzos, tiada perlindungan insurans, tiada lesen memandu yang sah & lain-lain kesalahan.

Seramai 24 orang telah disaring oleh pihak AADK, 2 orang didapati positif. Manakala pihak JAS telah mengeluarkan 1 notis arahan & 1 notis syor kompaun. Sebanyak 55 buah kenderaan telah divisual & 3 buah kenderaan telah di uji mesin.

OPS BERSEPADU ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR W.P LABUAN.



OPS STATIK ini dilaksanakan dari masa ke masa bagi memastikan pelepasan asap daripada kenderaan bermotor mematuhi PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Jabatan Alam Sekitar menyeru pemilik kenderaan khususnya pemilik kenderaan berenjin diesel dan petrol untuk sentiasa memastikan kenderaan diselenggara secara berkala dan melakukan pemeriksaan di PUSPAKOM bagi memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan tidak melepaskan pencemar udara yang mengancam kualiti alam sekitar dan kesihatan orang ramai.

Penguatkuasaan secara berterusan akan diadakan dari semasa ke semasa dan tindakan akan diambil terhadap pemandu atau pemilik kenderaan yang ingkar peraturan jalanraya yang telah ditetapkan.



MENJALANKAN PENGUATKUASAAN PERATURAN 16 (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN DIESEL)

Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan telah menjalankan operasi penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Penguatkuasaan ini dijalankan bagi memastikan tiada individu boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih dari 3 minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian.





**LAWATAN PEMERIKSAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)
OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)**

JASWPL telah melakukan pemeriksaan di Kawasan Industri Ranche-Ranche, WP Labuan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Tindakan tegas yang sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan jenayah alam sekitar dengan tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

OPS ASAP HITAM BAGI PENGUATKUASAAN PELEPASAN ASAP HITAM.



Jabatan Alam Sekitar W.P Labuan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan W.P Labuan telah menjalankan operasi melalui OPS ASAP HITAM bagi penguatkuasaan pelepasan asap hitam.

Operasi telah dijalankan di Stesen Penguatkuasa JPJ W.P Labuan yang telah disertai oleh dua belas (12) pegawai penguatkuasa JPJ W.P Labuan & lima (5) orang pegawai penguatkuasa JAS W.P Labuan.

Sebanyak lima (5) buah kenderaan berenjin diesel diuji tahap pelepasan asap hitam daripada ekzos dan hasil ujian ini terdapat beberapa kenderaan berenjin diesel yang gagal mematuhi Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. Selain itu, pelbagai kesalahan telah dikesan dengan enam (6) notis telah dikeluarkan melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kesalahan teknikal di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran & Pelesenan 1959).



LAWATAN KERJA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

JASWPL telah mengadakan satu lawatan kerja ke premis Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd. Tuan Zulfadzli bin Zakaria, selaku Pengarah JASWPL dan pegawai-pegawai Kanan JASWPL telah hadir dalam lawatan kerja ini.



Encik Aszman Osmera Chung mewakili CEO Petronas Chemicals Methanol WPL, pihak pengurusan kanan Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd dan Kontraktor yang dilantik iaitu SWA Water (Engineering) Sdn. Bhd telah turut hadir.

Tujuan utama lawatan kerja ini adalah bagi melihat secara jelas mengenai proses menghasilkan methanol Gred AA menggunakan teknologi gabungan rendah, cadangan pembinaan sistem pengolahan efluen baru dan pematuhan industri ini kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Susulan itu, perbincangan juga diadakan antara JASWPL, Petronas Chemicals Methanol Sdn. Bhd. dan kontraktor SWA Water (Engineering) Sdn. Bhd. yang memfokus kepada kaedah penyelesaian dan tindakan yang boleh dan perlu diambil dalam mengatasi isu pencemaran yang timbul.



SIASATAN PENEMPATAN BUANGAN TERJADUAL SECARA HARAM



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan rondaan OMPT dan intipan pada hujung minggu bagi mencegah pembakaran terbuka dan potensi lain yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar.

Hasil rondaan dan intipan di salah sebuah jeti mendapati terdapat aktiviti penempatan bahan buangan disyaki buangan terjadual yang ditempatkan di satu kawasan secara haram tanpa kebenaran oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.



Pasukan penyiasat JASWPL telah membuat pensampelan rasmi ke atas bahan buangan tersebut untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisis. Kertas siasatan telah dibuka dan dilengkapkan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah.



Bagi kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu kesalahan menempatkan buangan terjadual tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum penjara mandatori tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang lima ratus ribu ringgit malaysia (RM500,000) dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit malaysia (RM10,00000). Orang ramai adalah digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan aktiviti yang berpotensi mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

SIASATAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT) OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

JASWPL telah melakukan pemeriksaan di Kawasan Industri, WP Labuan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Tindakan tegas yang sewajarnya diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan jenayah alam sekitar dengan tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.



SIASATAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT) OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah melakukan pemeriksaan pada hari ini di Kawasan Industri Jalan Kolam, W. P. Labuan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan pihak premis berkaitan mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Tindakan tegas yang sewajarnya diambil terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan jenayah alam sekitar dengan tidak mematuhi AKAS, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya



RONDAAN DARAT BAGI OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN LAIN-LAIN PUNCA PENCEMARAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL)



Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) menjalankan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT), memantau punca-punca pencemaran alam sekitar yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Rondaan dilaksanakan di kawasan Industri, Sungai, Belukar, Kampung-Kampung, Paya Bakau dan Pantai.



Hasil pemantauan dan rondaan OMPT, tiada aktiviti pembakaran terbuka sama ada kebakaran hutan, belukar, dan tanah individu ditemui. Pemantauan di kawasan industri di sekitar WPL turut dilakukan pada hujung minggu bagi mengesan potensi berlakunya pencemaran. Hasil dari rondaan dan pemantauan ini tiada kes-kes pencemaran atau aktiviti mencurigakan dikesan di kawasan tersebut. Rondaan juga diteruskan ke kawasan pantai, sungai dan paya bakau bagi mengesan jika terdapat kehadiran kesan-kesan pencemaran seperti Tar Ball, Oil Sheen dan lain-lain pencemaran.

RONDAAN DARAT BAGI OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA (OMPT) DAN LAIN-LAIN PUNCA PENCEMARAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL)



Kesalahan pembakaran terbuka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 29A, AKAS, 1974 dan sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000.00) dan tidak melebihi satu juta ringgit (RM 1 juta) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi lima ribu ringgit (RM 5,000.00) bagi tiap-tiap hari kesalahan itu dilakukan selepas satu notis diserahkan atau boleh dikenakan kompaun dengan satu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada denda maksimum.

Hasil pemantauan dan rondaan OMPT, tiada aktiviti pembakaran terbuka sama ada kebakaran hutan, belukar, dan tanah individu ditemui. Pemantauan di kawasan industri di sekitar WPL turut dilakukan pada hujung minggu bagi mengesan potensi berlakunya pencemaran. Hasil dari rondaan dan pemantauan ini tiada kes-kes pencemaran atau aktiviti mencurigakan dikesan di kawasan tersebut. Rondaan juga diteruskan ke kawasan pantai, sungai dan paya bakau bagi mengesan jika terdapat kehadiran kesan-kesan pencemaran seperti Tar Ball, Oil Sheen dan lain-lain pencemaran. Hasil rondaan mendapati tiada kesan pencemaran dan aktiviti yang mencurigakan ditemui.



PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN KAWASAN LAIN YANG BERISIKO KEBAKARAN



PROGRAM SEMINAR MALAYSIA MADANI SESI PERKONGSIAN ILMU PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN KAWASAN LAIN YANG BERISIKO KEBAKARAN ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2024

Jabatan Alam Sekitar WP Labuan telah mengadakan Program Seminar Malaysia Madani Sesi Perkongsian Ilmu Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut dan Kawasan Lain Yang Berisiko Kebakaran Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 pada 20 Julai bertempat di Dewan Refflesia Kompleks Ujana Kewangan W.P. Labuan.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Rithuan Bin Haji Mohd Ismail, Ketua Esekutif Perbadanan Labuan dan telah dihadiri seramai 150 orang peserta.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk sesi perkongsian ilmu mengenai Larangan Pembakaran Terbuka di Malaysia oleh Tuan Zulfadzli Bin Zakaria, selaku Pengarah JASWPL, Encik Nasrullah Bin Attu, Penolong Kanan Penguasa Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan yang membentangkan tajuk tentang Keselamatan Kebakaran.

Selain itu, sesi pembentangan ke-3 iaitu Kesan Pencemaran Udara Terhadap Kesihatan Manusia telah diberikan oleh Dr Nuramalina Izzati Binti Nazaruddin selaku Pegawai Perubatan UD43 di Jabatan Kesihatan WP Labuan.

Adalah diharapkan agar program ini bermanfaat demi memastikan kelestarian alam sekitar di W.P. Labuan kekal terpelihara.



PENCEGAHAN DAN PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN KAWASAN LAIN YANG BERISIKO KEBAKARAN





OMPT TRAIL FUN WALK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024

PROGRAM OMPT TRAIL FUN WALK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024 DI PADANG MAJAL, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menganjurkan program OMPT Trail Fun Walk Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2024 di Padang Majal, Kg Pohon Batu W.P. Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan, Jabatan Kerja Raya, JKK Ketua Kampung Pohon Batu dan Angkatan Pertahanan Awam W.P. Labuan. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada penduduk W.P. Labuan bagi memelihara dan memulihara alam sekitar yang bertemakan #stopopenburning.

Program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Samsudin Bin Sidek selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan dan turut dihadiri oleh Tuan Zulfadzli bin Zakaria, Pengarah JASWPL. Seramai 150 para peserta yang terdiri daripada pegawai dari pelbagai agensi kerajaan, pelajar IPTA, pemain industri, NGO dan penduduk kampung di W.P. Labuan telah menyertai program ini.

JASWPL merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah hadir dan memberi komitmen jitu dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.



OMPT TRAIL FUN WALK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024



OMPT TRAIL FUN WALK SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024





BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN TAHUN 2024

PENGENALAN

JAS memainkan peranan penting dalam mengawal selia melalui proses Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Melalui inisiatif ini, jabatan bertanggungjawab meneliti dan menganalisis dokumen dan laporan bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk memastikan langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian diambil sejak dari fasa perancangan hingga pelaksanaan projek.

Pendekatan ini adalah kritikal bagi memenuhi komitmen negara terhadap Pembangunan Lestari, di mana kemajuan ekonomi tidak mengorbankan kelestarian alam. Sebagai pelengkap kepada penguatkuasaan, JAS menggerakkan pelbagai inisiatif dan program pembangunan sepanjang tahun 2024.

Usaha ini dilaksanakan dengan matlamat utama untuk memperkukuh kesedaran dan tindakan masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara holistik. Program-program yang dianjurkan bukan sahaja melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, tetapi turut menyasarkan kumpulan-kumpulan khusus seperti pelajar, komuniti setempat, dan sektor swasta. Antara program utama yang berjaya dilaksanakan termasuklah Program Ceramah dan Pameran, Program E-Waste, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, dan Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar.






INPUT PEMBANGUNAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai peranan dalam konteks input pembangunan sebagai agensi teknikal yang memberikan ulasan, nasihat, dan kelulusan alam sekitar bagi projek-projek pembangunan. JAS WP Labuan berperanan penting dalam proses kelulusan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (Perbadanan Labuan) dengan:

- i) Meneliti Permohonan: Menerima dan meneliti borang permohonan input pembangunan daripada pemaaju bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan (misalnya, perindustrian, perumahan, atau projek infrastruktur tertentu).
- ii) Memberi Nasihat Teknikal: Memberikan input teknikal berkaitan aspek pengurusan alam sekitar, termasuk kawalan pencemaran udara, air, bunyi, dan pengurusan sisa terjadual.
- iii) Memastikan Pematuhan Awal: Memastikan cadangan pembangunan mengambil kira keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya sebelum kelulusan perancangan diberikan.




RINGKASAN DATA BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Graf 5.0 : Penguatkuasaan EIA

Graf 5.0 menunjukkan Penguatkuasa Projek Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) oleh JAS WP Labuan bagi tahun 2019–2024 menunjukkan peningkatan ketara dalam pematuhan alam sekitar. Bilangan kes Patuh meningkat stabil dari empat (2019) kepada enam (2022), sebelum melonjak kepada kira-kira 15 kes (2023) dan mencapai 26 kes (2024). Sepanjang tempoh enam tahun ini, kes Tidak Patuh kekal sangat rendah atau sifar. Trend ini membuktikan keberkesanan penguatkuasaan, peningkatan kesedaran pemaju, serta kejayaan JAS WP Labuan dalam memastikan pembangunan yang lebih lestari di Labuan.

RINGKASAN DATA BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Graf 6.0 : Environment Management Plan (EMP)

Graf 6.0 menunjukkan pelaksanaan Environment Management Plan (EMP) oleh JAS WP Labuan (2022–2024) menunjukkan corak dinamik dalam pengurusan alam sekitar. Pada 2022, jumlah EMP sederhana dengan kadar kelulusan tinggi. Tahun 2023 mencatat penurunan ketara bagi kedua-dua kategori Lulus dan Tidak Lulus, berkemungkinan akibat perlambatan pembangunan atau perubahan prosedur. Namun, pada 2024, aktiviti EMP meningkat mendadak dengan kadar kelulusan hampir sepenuhnya, menandakan pemulihan ekonomi dan peningkatan kualiti penyediaan EMP. Secara keseluruhan, trend tiga tahun ini memperlihatkan kemerosotan sementara pada 2023 sebelum mencapai prestasi terbaik pada 2024.

RINGKASAN DATA BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Graf 7.0 : Laporan EIA

Graf 7.0 menunjukkan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) di WP Labuan bagi tempoh 2019–2024 menunjukkan perubahan ketara dalam aktiviti pembangunan.

Dari 2019 hingga 2021, kelulusan EIA kekal rendah (1 laporan setiap tahun), mencerminkan kadar pembangunan yang perlahan serta kesan pandemik terhadap aktiviti ekonomi. Pada 2022, berlaku lonjakan mendadak dalam kelulusan (sekitar 2.5 laporan), menandakan pemulihan ekonomi pasca-pandemik dan peningkatan kecekapan pentadbiran. Ini menjadi titik peralihan kepada fasa pembangunan yang lebih aktif. Bagi 2023 dan 2024, kadar kelulusan kekal tinggi dan stabil, menunjukkan trend pembangunan yang berterusan.

Secara keseluruhannya, peningkatan ini menggambarkan pertumbuhan pesat aktiviti pembangunan di Labuan, namun memerlukan pengukuhan penguatkuasaan dan pemantauan EIA agar keseimbangan antara pembangunan dan perlindungan alam sekitar terus terpelihara.



PENGUATKUASAAN PEMBANGUNAN

PEMERIKSAAN TAPAK PROJEK EIA CADANGAN MEMBINA FASILITI PENGURUSAN DAN PENSTORAN BUANGAN TERJADUAL DI W.P. LABUAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah menjalankan pemeriksaan Tapak Projek EIA Cadangan Projek Pembinaan Fasiliti Pengurusan dan Penstoran Buangan Terjadual di Patau-Patau, W.P. Labuan.

Tujuan pemeriksaan adalah bagi mendapatkan maklumat yang tepat di tapak sedia ada dan keadaan semasa tapak cadangan projek mengikut kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Cadangan projek ini berkeperluan untuk menyediakan satu laporan EIA kerana aktivitinya yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.





PENGUATKUASAAN KE ATAS PROJEK EIA

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah menjalankan penguatkuasaan ke atas salah satu projek tertakluk kelulusan EIA di Wilayah Persekutuan Labuan.

Antara perkara yang diperiksa adalah pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Tindakan Field Citation (FC) di lapangan dikeluarkan kepada penyelia projek bagi memastikan pematuhan terhadap akta dan peraturan yang berkaitan. JAS mengingatkan kepada semua penggerak projek dan premis agar sentiasa mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA dan AKAS, 1974 pada sepanjang masa.






PENGUATKUASAAN KE ATAS PROJEK EIA

Penguatkuasa JAS Wilayah Persekutuan Labuan menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan pada kerja-kerja pengerukan laluan feri dari Tanjung Aru (Labuan) ke Menumbok (Sabah) yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (EIA) 2015. Tindakan Field Citation (FC) dan Notis Arahan (NA) dikeluarkan kepada penggerak projek bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 dan peraturan yang di bawahnya.

JAS mengingatkan kepada semua penggerak projek dan premis agar sentiasa mematuhi AKAS, 1974.



Penguatkuasa JAS Wilayah Persekutuan Labuan menjalankan penguatkuasaan ke atas projek EIA yang telah diluluskan bagi cadangan pembinaan fasiliti dan penstoran bagi pengurusan buangan terjadual di Kawasan Industri Patau-Patau, WP Labuan. Tindakan Field Citation (FC) dikeluarkan kepada premis bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya berkaitan. JAS mengingatkan kepada semua penggerak projek dan premis agar sentiasa mematuhi AKAS, 1974.



MAJLIS PENYERAHAN LESEN PYDT (BT) UNTUK PEMBAHARUAN SESI 2024/2025, JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)

WP Labuan - Majlis Penyerahan Lesen PYDT (BT) untuk Pembaharuan Sesi 2024/2025 telah diadakan pada hari ini di Pejabat JASWPL. Majlis penyerahan lesen turut merangkumi penyampaian amanat oleh Tuan Zulfadzli bin Zakaria, selaku Pengarah JASWPL agar pihak premis dapat memastikan pematuhan kepada semua syarat lesen dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Dalam sesi ini, sebanyak tujuh (7) bilangan premis PYDTBT dan lima (5) bilangan pembawa PYDTBT telah diluluskan pembaharuan lesen oleh JASWPL dengan syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi oleh mereka pada sepanjang masa.






PENGAUDITAN STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN AUTOMATIK DI BAWAH PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP)



Pengauditan Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Automatik oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) dan pihak konsesi iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW) di CM10L, Wilayah Persekutuan Labuan. Pengauditan ini bertujuan untuk memastikan pengoperasian stesen automatik marin di bawah EQMP dilaksanakan berdasarkan prosedur yang ditetapkan bagi memastikan elemen jaminan dan kawalan kualiti (QA/QC) sentiasa terjamin dan data yang tepat dihasilkan.



PROGRAM PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH OLEH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL)



Pengawasan Kualiti Air Tanah di satu (1) Stesen Pemantauan Kualiti Air Tanah di Asian Supply Base, Ranche-Ranche, Labuan.

Bagi mempertingkatkan kualiti air tanah yang komprehensif, persampelan air tanah telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Aktiviti persampelan ini dijalankan adalah bagi memantau tahap kualiti air tanah di dalam pengawalan punca-punca yang boleh menyebabkan pencemaran melalui pemantauan berkala yang dirancang bagi tahun 2024.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Alam sekitar merupakan asas kehidupan manusia kerana ia membekalkan sumber semula jadi seperti udara, air, tanah dan biodiversiti yang penting untuk kelangsungan hidup.

Namun, kepesatan pembangunan, peningkatan populasi serta aktiviti manusia yang tidak terkawal telah menyebabkan berlakunya pencemaran, kemerosotan kualiti alam sekitar dan perubahan iklim yang semakin membimbangkan. Dalam menghadapi cabaran ini, usaha melindungi alam sekitar tidak hanya bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang atau dasar kerajaan semata-mata. Ia memerlukan penglibatan aktif semua lapisan masyarakat melalui komunikasi yang berkesan, pendidikan berterusan, serta kesedaran yang tinggi tentang tanggungjawab bersama memelihara kelestarian bumi.



Pelbagai program telah dianjurkan bagi menyokong usaha ini, antaranya kempen kesedaran awam, program kitar semula, gotong-royong pembersihan pantai, ceramah alam sekitar di sekolah, pertandingan mewarna bertemakan hijau, Program Sekolah Lestari, serta aktiviti Rakan Alam Sekitar (RAS). Program-program sebegini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai isu alam sekitar, malah mampu membentuk sikap prihatin dan memupuk budaya hijau dalam kehidupan seharian.

Justeru, komunikasi yang berkesan, pendidikan yang sistematik dan kesedaran melalui penglibatan dalam pelbagai program alam sekitar adalah kunci utama dalam memastikan kelestarian alam sekitar bagi generasi kini dan akan datang.

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Pertandingan Mewarna Sempena Hari Alam Sekitar	08.10.2024	Tadika PASTI Al-Furqan
2	Bengkel Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar	15.10.2024	Bilik Refflesia Ujana Kewangan
3	Majlis Anugerah Sekolah Lestari Alam Sekitar	15.10.2024	Bilik Refflesia Ujana Kewangan
4	Program Enviro Virtual Run 15KM	01.10.2024 - 15.10.2024	Virtual
5	Fun Walk OMPT	26.10.2024	Padang Majal. Pohon Batu, WP Labuan

PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Program Beach Cleaning di Seasport WP Labuan	5.06.2024	Seasport WP Labuan
2	Program Hi-Picking (KUDAH) Bersama Rakan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan	8.06.2024	Chimney Trail, Tanjung Kubong WP Labuan
3	Program Island Cleaning Explorace (ICE) 2024	23.06.2024	Pantai UMSKAL, WP Labuan
4	Sesi Perkongsian Ilmu Pencegahan dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut dan Kawasan Lain yang BERisiko Kebakaran Anjuran Jabatan Alam Sekitar	20.07.2024	Dewan Refflesia, Ujana Kewangan WP Labuan

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kuiz Sempena Hari Bumi 2024	25.03.2024	WP Labuan
2	Ceramah Sempena Hari Bumi 2024	27.03.2024	SK Tanjung Aru , WP Labuan
3	Kempen pengumpulan E-Waste sempena Hari Bumi Peringkat SK Tanjung Aru , WP Labuan	27.03.2024	SK Tanjung Aru , WP Labuan
4	Pameran Alam Sekitar	27.03.2024	SK Tanjung Aru , WP Labuan
5	Program Ceramah, Pameran Alam Sekitar Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan sempena Hari Bumi Tahun 2024 di SM St Anne	22.04.2024	SM St Anne, WP Labuan
6	Program Ceramah Kesedaran Penjagaan dan Pameran Alam Sekitar di SK St. Anne, Wilayah Persekutuan Labuan (SKSAWPL) Tahun 2024.	25.04.24	SK St. Anne, WP Labuan

PROGRAM SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Ceramah Sayangi Alam Sekitar SJKC Chung Hwa WP Labuan	01.08.2024	SJKC chung Hwa WP Labuan
2	Pertandingan E-Poster Sempena Hari Ozon Sedunia 2024	01.08.2024	Secara Alam Maya
3	Ceramah dan Pameran di Program Kontingensi Tumpahan Minyak	27.08.2024	Megah Port Management
4	Pameran Ke Arah Pengurusan Lestari Buangan Terjadual Anjuran Kelab Jabatan Alam Sekitar kerjasama Jabatan Alam Sekitar	29.09.2024	Dewan Mutiara, Palm Beach WP Labuan
5	Seminar Ke Arah Pengurusan Lestari Buangan Terjadual Anjuran Kelab Jabatan Alam Sekitar kerjasama Jabatan Alam Sekitar	29.09.2024	Dewan Mutiara, Palm Beach WP Labuan
6	Program Guide The Tide, Maintain The Gate.	6.10.2024	Pantai Hujung Pasir UTC WP Labuan

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENGUMPULAN E-WASTE

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	27.01.2024	UTC, WP Labuan
2	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	29.02.2024	UTC, WP Labuan
3	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	29.03.2024	UTC, WP Labuan
4	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat SK Tanjung Aru, WP Labuan	27.3.2024	SK TG Aru, WP Labuan
5	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	26.4.2024	UTC, WP Labuan
6	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	31.5.2024	UTC, WP Labuan
7	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	30.6.2024	UTC, WP Labuan
8	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	27.07.2024	UTC, WP Labuan
9	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	29.08.2024	UTC, WP Labuan
10	Program Pengumpulan E-waste di SM Sains WP Labuan	04.09.2024	SM Sains WP Labuan
11	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	30.09.2024	UTC, WP Labuan
12	Program Pengumpulan E-Waste Peringkat WP Labuan kerjasama Perbadanan Labuan	28.10.2024	UTC, WP Labuan

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENGUMPULAN E-WASTE

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
12	Program Pengumpulan E-waste di SM Sains WP Labuan	04.10.2024	SM Sains WP Labuan
13	Program Pengumpulan E-waste di SMK Ranca-Ranca WP Labuan	04.10.2024	SMK Ranca-Ranca
14	Program Pengumpulan E-waste di SM Maiwp WP Labuan	09.10.2024	SM Maiwp Labuan
15	Program Pengumpulan E-waste di SMK Mutiara WP Labuan	18.10.2024	SMK Mutiara
16	Program Pengumpulan E-waste di SMK Lajau WP Labuan	18.10.2024	SMK Lajau
17	Program Pengumpulan E-waste di SMK Pantai WP Labuan	19.10.2024	SMK Pantai
18	Program Pengumpulan E-waste di 5 Buah Sekolah di WP Labuan	29.10.2024	1. SMK Mutiara 2. SMK Ranca-Ranca 3. SM Sains Labuan 4. SMA Maiwp 5. SMK Lajau

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH, PAMERAN ALAM SEKITAR PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMPENA HARI BUMI TAHUN 2024



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah berkolaborasi bersama Sekolah Menengah St. Anne, W.P. Labuan (SMSAWPL) dengan mengadakan program ceramah, pameran alam sekitar pada peringkat WPL di SMSAWPL.

Program Hari Bumi yang bertemakan "Planet Vs Plastik" di SMSAWPL telah dirasmikan oleh PK Nurul Asikin binti Mohd Yusof @ Daud. Ceramah alam sekitar telah disampaikan oleh Pegawai Mystep Puan Nurhidayah Binti Bulyan, bertajuk "Perubahan Iklim" kepada semua pelajar dan warga pendidik SMSAWPL. Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mempamerkan peralatan berkaitan pemantauan kualiti alam sekitar. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 10.00 pagi dan berakhir pada 1.00 tengahari.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH KESEDARAN PERUBAHAN IKLIM DAN PAMERAN ALAM SEKITAR DI DEWAN SERBAGUNA JABATAN KESIHATAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2024 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah dijemput menyampaikan ceramah mengenai kesedaran tentang perubahan iklim dan pameran alam sekitar pada peringkat WPL di Dewan Serbaguna Jabatan Kesihatan W.P. Labuan.

Ceramah alam sekitar telah disampaikan oleh PK Nurul Asikin Mohd Yusof@Daud bertajuk “Kesan Perubahan Iklim Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan” kepada para peserta yang terdiri dari penjawat awam dan swasta di Jabatan Kesihatan W.P. Labuan.

Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mempamerkan perkara berkaitan E-Waste, Pembakaran Terbuka, Pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS) dan pengedaran risalah alam sekitar. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya bermula dari jam 7:30 pagi hingga 12:00 tengahari.



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM HI-PICKING (KUDAH) BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR PERINGKAT DUNIA TAHUN 2024 DI CHIMNEY TRAIL, TANJUNG KUBONG WP. LABUAN.

Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 dengan bertemakan "Land Restoration, Desertification & Drought Resilience", Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah berkolaborasi bersama Muzium Chimney, WP Labuan dengan mengadakan program Hi-Picking (KUDAH) bersama Rakan Alam Sekitar WPL bagi tahun 2024.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran peserta tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan sekaligus melibatkan Rakan Alam Sekitar (RAS) secara langsung dalam aktiviti kebersihan dan pemuliharaan alam.

Program ini telah disertai oleh 94 Peserta yang terdiri daripada orang awam dan pelajar sekolah. Anggaran berat sampah-sarap yang telah dikutip adalah 46 Kg. Program ini turut dibantu oleh Agensi Pertahanan Awam untuk persediaan bantuan kecemasan.

JASWPL mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Muzium Chimney WP, Labuan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas program yang amat bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH KESEDARAN PENJAGAAN DAN PAMERAN ALAM SEKITAR DI SEKOLAH KEBANGSAAN LUBOK TEMIANG, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2024 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah berkolaborasi bersama SK Lubok Temiang dengan mengadakan program ceramah kesedaran penjagaan alam sekitar dan pameran alam sekitar pada peringkat WPL di SK Lubok Temiang.



Ceramah alam sekitar telah disampaikan oleh Pegawai MyStep JASWPL iaitu Puan Nurhidayah Binti Bulyan, bertajuk “3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle” kepada semua pelajar dan warga pendidik SK Lubok Temiang.

Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mempamerkan pameran berkaitan E-Waste, Pembakaran Terbuka, permainan 3R dan pengedaran risalah alam sekitar. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 7:30 pagi hingga 11:00 pagi.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR, E-WASTE DAN PAMERAN ALAM SEKITAR DI SM SAINS LABUAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2024 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah dijemput menyampaikan ceramah Pencemaran Alam Sekitar dan E-Waste. JASWPL turut berpeluang membuka pameran alam sekitar pada peringkat WPL di SM Sains Labuan, WP Labuan. Ceramah turut disampaikan dengan tajuk “Pencemaran Alam Sekitar dan E-Waste” kepada 300 Pelajar SM Sains Labuan, WP Labuan.

Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mempamerkan pameran berkaitan E-Waste, Pembakaran Terbuka, Permainan VR Alam Sekitar pengedaran risalah alam sekitar. JASWPL turut membuka pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS). Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 1:00 petang hingga 5:00 petang



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM KONTINGENSI TUMPAHAN MINYAK; PELIHARA KELESTARIAN MARIN.

Bermatlambat meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian marin, Program Kontingensi Tumpahan Minyak sempena Hari Ozon Sedunia 2024 di Megah Port Labuan dianjurkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Labuan bersama-sama Megah Port Labuan. Bertempat di Megah Port, program dirasmikan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman.



Pengarah JAS Labuan Zulfadzli Zakaria berkata, sebanyak tujuh kes tumpahan minyak direkodkan setakat tahun lepas, namun kesemua masih berada pada tahap yang tidak membimbangkan. Malah, tumpahan tersebut tidak memberi kesan kepada ekosistem marin dan perairan Labuan.



Majlis Menandatangani dan Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAS Labuan dan Megah Port Management turut diadakan. Program diteruskan dengan sesi ceramah oleh JAS Labuan, JBPM Labuan, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Laut Malaysia Labuan





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH KESEDARAN PENJAGAAN DAN PAMERAN ALAM SEKITAR DI SEKOLAH KEBANGSAAN ST. ANNE, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (SKSAWPL) TAHUN 2024 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN (JASWPL)



JASWPL telah berkolaborasi bersama SKSAWPL dengan mengadakan program ceramah kesedaran penjagaan alam sekitar dan pameran alam sekitar pada peringkat WPL di SKSAWPL.

Program ini telah dirasmikan oleh Guru Besar SKSAWPL Puan Chua Lai Eng @ Cecilia. Ceramah alam sekitar telah disampaikan oleh Pegawai MyStep JASWPL bertajuk “3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle” kepada semua pelajar dan warga pendidik SKSAWPL.

Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mempamerkan peralatan berkaitan pemantauan kualiti alam sekitar, permainan 3R dan pengedaran risalah alam sekitar. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 8:00 pagi hingga 10:30 pagi.



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PROGRAM CERAMAH, PAMERAN ALAM SEKITAR, DAN PENGUMPULAN BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMPERNA HARI BUMI TAHUN 2024

Wilayah Persekutuan Labuan (WPL)- Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) telah berkolaborasi bersama Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru (SEKATA), WPL dengan mengadakan program ceramah, pameran alam sekitar dan pengumpulan barangan elektrik dan elektronik (e-Waste) peringkat WPL di Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, WPL.



Ceramah alam sekitar telah disampaikan oleh PK Nurul Asikin binti Mohd Yusof @ Daud, bertajuk "Awat Pembakaran Terbuka" kepada semua pelajar dan warga pendidik SEKATA, WPL. Memorandum persefahaman bersama pihak SEKATA, WPL ditandatangani oleh Encik Zulfadzli bin Zakaria, selaku Pengarah JASWPL.

Program pengumpulan barangan elektrik dan elektronik (e-Waste) anjuran JASWPL dengan kerjasama sekolah telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan ibu bapa dan murid. Program bermula dari jam 7.00 pagi dan berakhir pada 12.00 tengahari telah berjaya mengumpulkan e-Waste sebanyak 40 Kg.

KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



PROGRAM CERAMAH KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN PAMERAN ALAM SEKITAR DI SJKC CHUNG HWA, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2024 BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR W.P. LABUAN (JASWPL)

JASWPL telah dijemput menyampaikan ceramah Sayangi Alam Sekitar dan pameran alam sekitar pada peringkat WPL di SJKC Chung Hwa WP Labuan.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Pegawai MYSTEP, Puan Nurhidayah Binti Bulyan bertajuk "Sayangi Alam Sekitar" kepada 500 Pelajar SJKC Chung Hwa, WP Labuan.



Pameran Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan mengadakan pameran berkaitan E-Waste, Pembakaran Terbuka, Permainan 3R dan pengedaran risalah alam sekitar. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 7:30 pagi hingga 11:00 pagi.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



PROGRAM "GUIDE THE TIDE, MAINTAIN THE GATE" SEMPERA HARI OZON SEDUNIA 2024 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR (JASWPL) DAN SM ST. ANNE W.P. LABUAN DENGAN KERJASAMA JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN (JPS) DAN PERBADANAN LABUAN (PL).



JASWPL dan SM St. Anne menganjurkan program 'Guide The Tide, Maintain the Gate' di Hujung Pasir, UTC W.P. Labuan. Program ini melibatkan 60 pelajar dari beberapa buah sekolah di W.P. Labuan.



Program ini telah dirasmikan oleh Encik Juniaddi Awang Tuah, Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran WP Labuan. JASWPL juga telah dijemput untuk memberikan taklimat berkenaan Ozon, Sempena Hari Ozon Sedunia 2024. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya bermula dari jam 6:30 pagi hingga 12:30 Tengahari.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



PROGRAM CERAMAH ALAM SEKITAR DAN PERTANDINGAN MEWARNA DI TADIKA PASTI AL-FURQAN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA TAHUN 2024 ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL).



JASWPL menganjurkan program ceramah Alam Sekitar dan Pertandingan Mewarna di Tadika PASTI Al-Furqan, Tanjung Aru W.P. Labuan. Program ini melibatkan seluruh pelajar PASTI Al-Furqan.



Pegawai MYSTEP, Puan Nurhidayah binti Bulyan menyampaikan ceramah bertajuk “Alam Sekitar”. JASWPL turut mengadakan aktiviti pertandingan mewarna yang disertai oleh seluruh pelajar PASTI Al-Furqan. Program ini telah berlangsung dengan jayanya bermula dari jam 7 pagi hingga 12:30 Tengahari.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

SEMINAR PENGURUSAN LESTARI BUANGAN TERJADUAL DAN CABARAN DALAM PENGURUSAN REFRIGERAN SEMPENA HARI OZON SEDUNIA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2024

Seminar berkaitan Pengurusan Lestari Buangan Terjadual dan Cabaran Dalam Pengurusan Refrigeran Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024 telah diadakan di Palm Beach Resort & Spa W.P. Labuan pada 28 September 2024 anjuran Kelab Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (KASLAW) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Seminar telah dirasmikan oleh Encik Zulfadzli Bin Zakaria, Pengarah Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada individu dan pemain industri telah menyertai seminar ini.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Seminar ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada individu dan pemain industri untuk meningkatkan kefahaman mengenai keperluan dan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling, (AKAS) 1974.

JASWPL mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan komitmen dalam menjayakan seminar ini dan diharapkan ianya dapat memberi input yang bermanfaat khususnya kepada individu dan pemain industri untuk memastikan pematuhan terhadap AKAS, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya pada sepanjang masa.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

PAMERAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) DI PROGRAM OUTREACH JELAJAH MADANI LABUAN TAHUN 2024 SEMPERA JUBLI DELIMA 40 TAHUN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP) WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.

JASWPL dijemput untuk mengadakan pameran E-Waste di Program Outreach Jelajah Madani Labuan Tahun 2024 Sempena Jubli Delima 40 Tahun Institut Latihan Perindustrian (ILP) Wilayah Persekutuan Labuan. Selain pameran, JASWPL juga turut peluang menyediakan kemudahan pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS) secara atas talian kepada peserta program.





KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



PAMERAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) DI SK PATAU-PATAU WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (SKPPWPL) SEMPERA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT SK PATAU-PATAU.

JASWPL dijemput untuk mengadakan pameran berkaitan Alam Sekitar dan Biodiversiti di SKPPWPL Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat SK Patau-Patau.



Selain pameran, JASWPL juga turut memberi peluang kepada pelajar untuk belajar mengenai Alam Sekitar menerusi permainan yang ada di aplikasi Enviro Games.



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

LAWATAN PENILAIAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (WPL) BAGI TAHUN 2024 DI SEKOLAH SKK ST. ANNE, SK BUKIT KALAM, SMK MUTIARA DAN SM ST. ANNE WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Lawatan Penilaian Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) peringkat WPL telah selesai dilaksanakan pada 10 dan 11 Jun 2024 di SKK ST Anne, SK Bukit Kalam, SMK Mutiara dan SM St. Anne Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 3 orang panel penilai bagi program SLAAS ini yang terdiri daripada Encik Hasmizulizam bin Hamidon wakil Perbadanan Labuan, PK Nurul Asikin Binti Mohd Yusof @ Daud, JASWPL dan Encik Samsul bin Mandisin, Jabatan Pendidikan, WPL. Tahniah kepada semua sekolah yang mengikuti Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS).

JASWPL mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sekolah yang terlibat dalam penilaian program SLAAS yang amat bermanfaat ini. Semoga usaha murni ini diberkati-Nya demi kelestarian alam sekitar.



KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

TAKLIMAT BENGKEL SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) DAN ANUGERAH SLAAS PERINGKAT NEGERI 2023/2024 SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGERA 2024.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL) ingin mengucapkan Tahniah kepada SM St Anne dan SMK Mutiara W.P. Labuan kerana menjadi pemenang SLAAS pada Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Labuan 2023/2024 kategori Sekolah Menengah. Manakala bagi Kategori Sekolah Rendah pula dimenangi oleh SK St Anne dan SK Bukit Kalam W.P. Labuan. Tuan Zulfadzli Bin Zakaria, Pengarah JASWPL telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang di Bilik Seminar Refflesia, Ujana Kewangan W.P. Labuan.

Selain dari itu, taklimat dan bengkel SLAAS telah disampaikan oleh PK Nurul Asikin Bin Yusof @ Daud. Penglibatan warga sekolah dalam aktiviti Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar mampu menggalakkan penghayatan, pengamalan dan pembudayaan ciri-ciri mesra alam dalam persekitaran sekolah, rumah, bersama komuniti setempat, masyarakat umum dan akhirnya pada peringkat negara.





ILMU LESTARI

Bukan seberapa banyak yang kita tahu, tapi seberapa banyak yang kita bagikan. Ilmu yang dibagikan adalah ilmu yang abadi.



Tabiat Manusia dan Impaknya Terhadap Alam: Memahami Hubungan yang Kritikal

Oleh : Muhammad Man Sah / November 2024

Tabiat manusia memberikan kesan yang besar terhadap alam sekitar, kerana ia menentukan sejauh mana keseimbangan ekosistem dapat dipelihara. Banyak aktiviti manusia, secara langsung atau tidak langsung, mengganggu keseimbangan semula jadi ini. Kesan negatif seperti pencemaran, pemusnahan habitat, penggunaan sumber secara berlebihan, perubahan iklim, dan pembangunan tidak terkawal telah menjejaskan kelestarian alam. Dari penggunaan sumber asli hingga pengurusan sisa buangan, setiap tindakan kita memberi impak yang mendalam kepada ekosistem global. Memahami hubungan rapat antara manusia dan alam ini adalah langkah penting dalam usaha mempromosikan kelestarian dan mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar.

Salah satu aspek utama tabiat manusia adalah penggunaan sumber daya alam. Dari air dan tanah hingga kayu dan bahan bakar fosil, manusia secara berterusan menggunakan sumber daya ini untuk memenuhi keperluan mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan yang berlebihan dan tidak mampan boleh menyebabkan penipisan sumber daya alam yang penting dan mengganggu keseimbangan ekosistem. Contohnya, pembalakan hutan yang berlebihan untuk pertanian atau pembangunan boleh mengurangkan kepelbagaian biologi dan menyebabkan kerosakan habitat kepada pelbagai spesies.



Pembuangan sisa minyak secara haram
Sumber: Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Selain itu, tabiat manusia juga menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Sisa industri, pelepasan gas buang kenderaan bermotor, dan sampah plastik adalah beberapa contoh kesan negatif daripada aktiviti manusia ke atas alam sekitar. Pencemaran udara, air, dan tanah boleh merosakkan ekosistem, mengancam hidupan liar, dan membahayakan kesihatan manusia. Sebagai contoh, pencemaran air boleh menyebabkan keracunan kepada organisma hidup di dalam air, manakala pencemaran udara boleh memicu penyakit pernafasan dan masalah kesihatan lain.



OPS Gempur Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan .
Sumber : Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

Salah satu kesan paling serius akibat aktiviti manusia terhadap alam sekitar ialah perubahan iklim. Pelepasan gas rumah hijau, terutamanya daripada pembakaran bahan api fosil seperti arang batu, minyak, dan gas, serta aktiviti perindustrian, telah menyebabkan peningkatan suhu global secara berterusan. Fenomena ini, yang dikenali sebagai pemanasan global, mengganggu keseimbangan ekosistem dan membawa kepada perubahan drastik dalam corak cuaca di seluruh dunia.

Akibatnya, kita menyaksikan lebih banyak bencana alam seperti banjir, kemarau, taufan, dan gelombang haba yang semakin kerap dan meluas. Selain itu, pencairan ais di kutub dan peningkatan paras laut juga mengancam kawasan pesisir, menyebabkan hakisan pantai dan kerosakan kepada komuniti yang tinggal di kawasan tersebut. Kesan jangka panjang terhadap biodiversiti, sumber air, dan keselamatan makanan semakin membimbangkan, menjadikan perubahan iklim sebagai cabaran alam sekitar paling kritikal yang perlu dihadapi oleh masyarakat global hari ini.

Perubahan iklim di Malaysia turut menyumbang kepada peningkatan kekerapan bencana alam. Peningkatan hujan yang tidak menentu sering menyebabkan banjir besar, seperti banjir kilat di Kuala Lumpur dan banjir monsun di pantai timur, khususnya di Kelantan, Terengganu, dan Pahang. Selain itu, kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak juga terdedah kepada banjir yang serius. Pada masa yang sama, fenomena kemarau yang panjang, terutama di utara Semenanjung seperti Kedah dan Perlis, menyebabkan kekurangan bekalan air dan menjejaskan pertanian. Malaysia juga mengalami suhu yang semakin panas, yang meningkatkan risiko gelombang haba, manakala kawasan pesisir seperti Pulau Pinang dan Johor menghadapi ancaman peningkatan paras laut. Ini semua menunjukkan bahawa perubahan iklim memberi kesan ketara kepada Malaysia melalui bencana alam yang lebih kerap dan berbahaya.

Walaupun kesan negatif tabiat manusia terhadap alam sekitar semakin ketara, masih ada peluang untuk mengurangkan kerosakan dan mempromosikan kelestarian. Jabatan Alam Sekitar di Wilayah Persekutuan Labuan berperanan aktif dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam. Antara inisiatif yang diambil termasuk seminar untuk syarikat swasta berkenaan pengurusan buangan terjadual, ceramah kesedaran alam sekitar di sekolah, dan pameran interaktif di syarikat serta agensi bagi memperkenalkan teknologi hijau dan amalan mesra alam. Jabatan ini juga menyediakan program pendidikan dari peringkat umur 4 tahun hingga dewasa, yang meliputi aktiviti praktikal serta bengkel untuk mendalami pemahaman semua lapisan masyarakat tentang pentingnya tanggungjawab menjaga alam. Usaha-usaha ini disokong dengan inisiatif pemulihan ekosistem yang rosak serta galakan terhadap amalan pertanian dan pengurusan sumber secara mampan.

Dengan langkah-langkah ini, kita mampu mencapai keseimbangan yang lebih baik antara memenuhi keperluan manusia dan melindungi alam sekitar, memastikan bumi yang indah ini terus terpelihara untuk generasi akan datang.



*Program KUDAH bersama Rakan Alam Sekitar
Sempena Hari Alam Sekitar Dunia 2024
Sumber : Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan*



*Seminar Pengurusan Lestari Buang Terjadual dan Cabaran Pengurusan
Refrigeran Sempena Hari Ozon Sedunia 2024
Sumber : Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan*

Bibliografi

Internet

Jabatan Meteorologi Malaysia. (2022). Laporan Cuaca Ekstrem di Malaysia 2022. Retrieved from <http://www.met.gov.my>

Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC). (2021). *Climate Change 2021: The Physical Science Basis. Contribution of Working Group I to the Sixth Assessment Report of the Intergovernmental Panel on Climate Change*. Cambridge University Press. <https://www.ipcc.ch/report/ar6/wg1/>

Smith, J. & Brown, L. (2022). *Human Behavior and Natural Resource Use: Impacts on Ecosystems*. *Environmental Science Journal*, 45(3), 123-145.

White, R. (2020). *Sustainability and Resource Depletion: Challenges for the Future*. In S. Gray (Ed.), *Human Impact on the Environment* (pp. 67-89). Oxford University Press.

Jabatan Alam Sekitar Malaysia. (2024, 28 September). Seminar Pengurusan Lestari Buangan Terjadual dan Cabaran Dalam Pengurusan Refrigeran Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2024. Facebook. <https://www.facebook.com/jasmalaysia/posts/123456789>

Jurnal

Wan Ahmad, N. A., & Hashim, M. (2020). *Impact of Climate Change on Malaysia's Weather Patterns: A Case Study on Floods*. *Journal of Environmental Science and Engineering*, 8(2), 15-23.

TINJAUAN KESAN PEMBAKARAN TERBUKA TERHADAP ALAM SEKITAR DAN MANUSIA

AHMAD SHAYUTI BIN ABDUL RAHIM^{1, a} dan HEAWI GODUKI^{2, b}

^{1,2}Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia

^ashayuti@doe.gov.my, ^bheawi@gmail.com

Kata Kunci: Pembakaran Terbuka, Kesan Kepada Kesihatan.

Abstrak. Hari demi hari kes pembakaran terbuka di Malaysia semakin meningkat terutamanya pada musim kemarau, dalam ucapan yang telah disampaikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad sehingga 25 Mac 2024 sebanyak 1594 kes pembakaran terbuka telah direkodkan dengan mencatatkan negeri Selangor sebagai negeri dengan kes yang tertinggi sebanyak 323 kes ⁽¹⁾. Sekiranya pembakaran terbuka ini tidak dibendung dengan kesedaran dan tindakan pihak berkuasa ianya dijangka boleh mengundang kepada masalah yang lebih serius seperti jerebu dan sebagainya. Kesan pembakaran terbuka ini boleh mengakibatkan terjejasnya kesihatan manusia dan alam sekitar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat belum mempunyai kesedaran penuh tentang pembakaran terbuka.

Pendahuluan

Pembakaran terbuka merujuk kepada sebarang kebakaran atau pembakaran yang berlaku di udara bebas dan tidak dihalakan melalui cerobong atau serombong⁽²⁾ kecuali aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui Perintah yang disiarkan oleh warta. Pembakaran terbuka selalu berpunca daripada pembakaran sampah yang tidak terkawal hingga menyebabkan kebakaran kepada hutan, lalang dan belukar. Selain itu, pembakaran terbuka juga berpunca daripada sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab seperti meninggalkan unggun api dan membuang sisa puntung rokok yang masih bernyala sesuka hati hingga menyebabkan kebakaran di suatu kawasan. Pembakaran secara sengaja^(3,4) bagi tujuan pertanian juga membawa kepada kesan kepada alam sekitar. Aktiviti pembakaran terbuka ini memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan kesihatan masyarakat serta negara.

Kesan pembakaran terbuka kepada alam sekitar dan kesihatan

Antara kesan pembakaran terbuka ialah pencemaran udara yang mana udara menjadi kotor disebabkan kumin- kumin pepejal, karbon dioksida dan lain-lain bahan pencemar yang bertambah di ruangan udara. Kesan daripada ini, akan mengakibatkan peningkatan indeks bacaan IPU (Indeks Pencemaran Udara). Apabila bacaan IPU meningkat ia akan memberi kesan kepada jarak penglihatan manusia dimana boleh membahayakan pengguna jalan raya, pesawat dan kapal-kapal.

Seterusnya, kesan daripada pembakaran terbuka ialah peningkatan masalah kesihatan seperti bronchitis, alahan, mental dan lain-lain^(5,6). Selain itu, impak dari pencemaran terbuka ialah kemerosotan ekonomi⁽⁷⁾ yang melibatkan sektor pelancongan

susulan daripadanya kurangnya pelancong yang datang berkunjung ke negara. Tambahan pula, sektor pertanian juga akan mengalami kemerosotan hasil pertanian kesan daripada gangguan pada pertumbuhan tanaman.

Di samping itu, pembakaran terbuka juga mengakibatkan kemusnahan hutan yang membawa kepada kepupusan biodiversiti⁽⁸⁾. Pembakaran terbuka juga menyebabkan aktiviti manusia tergendala seperti murid tidak dapat hadir ke sekolah dan ada sebahagian agensi yang terpaksa bekerja dari rumah dan terdapat banyak lagi kegiatan harian yang tidak dapat dijalankan. Sudah terang lagi bersuluh, terdapat banyak kesan buruk daripada aktiviti pembakaran terbuka.

Kesimpulan

Oleh itu, pembakaran terbuka dapat dikurangkan jika semua lapisan masyarakat berganding bahu dalam membantu usaha mencegah seperti kata pepatah "hendak seribu daya tak hendak seribu dalih", tiada alasan untuk kita tidak dapat mencegah pembakaran terbuka.

Antara langkah yang boleh diambil adalah bermula daripada diri kita sendiri. Contohnya, tidak membakar sampah domestik ataupun tidak melakukan pembakaran yang melibatkan pertanian pada musim kemarau. Selain itu, kesedaran terhadap alam sekitar perlu dipupuk dari segenap umur agar sifat ambil tahu sentiasa berada di dalam diri kita. Selain itu, Akta Kualiti Alam 1974 di bawah seksyen 29 perlu diperluas dan dikuatkuasakan lagi bagi pencegahan pembakaran terbuka semakin berleluasa^(9,10).

Rujukan

- [1] Berita Harian (29 Mac 2024). "1,594 pembakaran terbuka direkodkan antara Januari hingga 25 Mac lalu". Dilayari pada 14 Oktober 2024.
- [2] Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, (AKTA 127) Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah & Perintah-Perintah. Edisi 15hb Oktober 2020 Penerbit: Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- [3] Bernama (10 Mac 2024). "Pembakaran Sengaja Punca Kebakaran Terbuka Tujuh Lokasi Di Sabah". Dilayari pada 14 Oktober 2024.
- [4] Johary Indan. (5 Mac 2024). "Cuaca panas punca kebakaran hutan, belukar di Tamparuli". Berita Harian. Dilayari pada 14 Oktober 2024.
- [5] Gauri Pathak et al. "Plastic pollution and the open burning of plastic wastes". dlm. *Global Environmental Change*. hlm 80, 2023.
- [6] R. E. Daffi, A. N. Chaimang, dan M. I. Alfa. "Environmental Impact of Open Burning of Municipal Solid Wastes Dumps in Parts of Jos Metropolis, Nigeria". dlm. *Journal of Engineering Research and Reports*. hlm 30-43, 2020.



**LAPORAN TAHUNAN 2024
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**